

Taat setia kepada negara tiada batasnya

UB 17/05/2012 A8


Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

S E P A N G G A R :
Tanggungjawab sebagai warganegara yang taat dan setia dalam usaha membangunkan negara dan bangsa serta mengelakkan keharmonian sejagat tiada batasnya.

Sehubungan itu, Naib Cancellor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj Ampang mengingatkan kepada semua warga UMS agar maju ke depan untuk menggalas cabaran yang mendatang.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memberikan sokongan penuh kepada siswa-siswi untuk terus aktif



KAMARUZAMANmemalugongsebagai simbolik perasmian sambil disaksikan oleh Timbalan Naib Cancellor (HEP dan Alumni), Prof Madya Datuk Dr Hj Kassim Hj Md Mansur.

dalam bidang ko-kurikulum kerana ia merupakan nilai tambah yang berharga.

“Para siswa-siswi harus berbangga dengan kebolehan yang anda miliki sama ada aspek pengucapan awam, kepimpinan, pengurusan kelab dan sebagainya.

“Pihak UMS di bawah Hal Ehwal Pelajar (HEP) khususnya Bahagian Perkembangan Potensi Pelajar akan sentiasa menyediakan platform kepada semua penuntut UMS untuk menyerlahkan bakat dalam semua aspek,” katanya ketika merasmikan Malam Penghargaan HEP 2012 kali-14 di sini, malam Selasa lepas.

Tambahnya, kebolehan para penuntut UMS berjaya